

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [KUALA SELANGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan dalam usaha untuk menyusun semula masyarakat untuk mencapai keseimbangan ekonomi yang lebih mantap terutamanya dalam melindungi golongan yang mudah terjejas akibat fenomena kenaikan kos hidup.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk mencapai keseimbangan ekonomi serta melindungi golongan yang mudah terjejas akibat sebab-sebab tertentu. Sehubungan itu, Kerajaan telah memperluaskan lagi pendekatan pembangunan secara inklusif bagi memastikan peluang penyertaan dalam ekonomi yang lebih saksama. Ini akan membolehkan semua rakyat Malaysia terlibat dalam aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup mereka. Langkah penyusunan semula masyarakat dilaksanakan dalam jangka panjang serta jangka sederhana dan pendek. Antara langkah-langkah yang diambil termasuk:

1. Dalam jangka panjang penyusunan masyarakat dilaksanakan melalui pendidikan. Melalui pendidikan mereka dari golongan berpendapatan rendah dapat merubah taraf hidup dan meningkatkan mobiliti sosial. Di samping itu, program pembangunan usahawan turut dilaksanakan, khususnya bagi perniagaan berskala besar dan sederhana. Sebagai contoh program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS), Skim Permulaan Usahawan Bumiputera (SUPERB), Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) dan Program Dana Ekuiti Nasional (EKUINAS) dari segi pemilikan ekuiti.

2. Dalam jangka sederhana dan pendek pelbagai program disediakan, antaranya:

- i. program peningkatan kebolehan dan keupayaan (*capacity and capability enhancement*) bertujuan meningkatkan kelayakan dan kemahiran kumpulan sasaran bagi meningkatkan keupayaan bersaing untuk mendapat pekerjaan bergaji lebih tinggi. Dalam tempoh 2011 hingga 2013, sebanyak RM88 juta telah diperuntukkan yang memanfaatkan seramai 8,194 orang peserta. Daripada jumlah ini, seramai 2,430 peserta telah menamatkan latihan, 5,700 masih menjalani latihan manakala 64 orang tidak menamatkan latihan atas sebab-sebab tertentu. Daripada 2,430 peserta yang tamat latihan, seramai 1,688 orang telah berjaya mendapat pekerjaan, 306 masih mencari pekerjaan dan 436 orang menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi;
- ii. program bidang perniagaan dan keusahawanan. Ini dilaksanakan dengan memperluaskan akses dan peluang mendapat bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawanan serta pembinaan gerai niaga dan program sokongan perniagaan mikro serta perniagaan kecil dan sederhana. Program ini disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan sebagainya. Sehingga bulan Disember 2013, AIM telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM1.7 bilion yang memanfaatkan 346,245 Sahabat AIM manakala MARA telah mengeluarkan sebanyak RM26 juta bagi membantu 25,831 peminjam. TEKUN pula telah mengeluarkan sebanyak RM1,208 juta

bagi membantu 128,416 peminjam sepanjang tahun 2011 sehingga tahun 2013; dan

- iii. bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan ibu tunggal. Sehingga bulan November 2013, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyalurkan sebanyak RM455.4 juta bagi membantu golongan warga emas manakala sebanyak RM208.2 juta telah disalurkan bagi membantu golongan OKU.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Di samping langkah-langkah tersebut, Kerajaan juga melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus untuk membantu golongan mudah terjejas akibat fenomena kenaikan kos. Ini termasuk:
 - i. pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M). Melalui BR1M 2.0, Kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM2.9 bilion bagi membantu seramai 6.8 juta penerima manakala BR1M 3.0 masih di peringkat pelaksanaan. Sehingga kini, jumlah penerima yang lulus adalah seramai 6.5 juta yang melibatkan peruntukan sebanyak RM3.4 bilion.
 - ii. memperluaskan produk 1Malaysia seperti:
 - Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M): menyediakan barangan keperluan dengan harga yang lebih rendah;

- Klinik Rakyat 1Malaysia: menyediakan perkhidmatan kesihatan dengan kos yang berpatutan; dan
 - Menu Rakyat 1Malaysia: menyediakan menu sarapan pagi dan makan tengah hari pada harga paling minimum tetapi berkualiti dan berkhasiat;
- iii. pemberian subsidi elektrik bagi menampung bil bulanan yang tidak melebihi RM20 sebulan; dan
- iv. penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan peraturan serta kawalan harga barang dapat dilaksanakan secara berkesan.

Sekian, terima kasih.